



PEGAWAI penguat kuasa DBKL menyita gerai penjaja tanpa lesen di sekitar Jalan Haji Hussein dan Jalan Ampang Kuala Lumpur kelmarin.

Premis jual *steamboat*, *bundle* digempur

PETALING JAYA – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggempur penjaja warga asing dan tiada lesen di sekitar Jalan Haji Hussein dan Jalan Ampang, Kuala Lumpur, kelmarin.

Operasi khas secara mengejut itu dijalankan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa DBKL ke atas beberapa aktiviti perniagaan di lokasi tersebut.

“Tindakan penguatkuasaan

diambil ke atas penjaja makanan, minuman, pakaian *bundle* dan *foodtruck* yang membuat kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen dan menyalahgunakan lesen termasuk halangan tred perniagaan di tempat awam dan penjaja warga asing.

“Susulan itu, DBKL membuat tujuh tindakan sitaan terhadap pemilik restoran dan gerai di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan UUK Pelesenan

Penjaja (WPKL) 2016,” katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah DBKL, antara peralatan yang disita adalah kerusi meja, kanopi, pakaian *bundle*, kenderaan *steamboat* dan *foodtruck*.

“Barangan dan peralatan yang disita dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Mi-harja, Cheras di sini untuk rekod penyimpanan sementara dan dokumentasi,” ujarinya.